

DEB: Umno demo bantah Guan Eng
Malaysiakini.com
Mar 14, 2008

kemaskini 5:40pm Lebih kurang 1,000 penyokong Umno Pulau Pinang, yang diketuai setiausaha parti itu Azhar Ibrahim, berkumpul di kaki bangunan Komtar sebagai membantah kenyataan Ketua Menteri yang baru, Lim Guan Eng.

penang komtar umno protest 140308 anwar traitor bannerKumpulan itu sempat berkumpul kira-kira satu jam selepas sembahyang Jumaat, kemudian beredar.

Tiada kejadian buruk dilaporkan.

Bersama beberapa sepanduk, kumpulan itu melaungkan slogan-slogan, antaranya 'jangan pingirkan Melayu' dan 'jangan hapuskan DEB'.

Beberapa tokoh Umno negeri menyampaikan ucapan di demonstrasi itu, termasuk bekas timbalan ketua menteri Abdul Rashid Abdullah, wakil rakyat Sungai Dua - Jasmin Mohamed, dan ketua bahagian Bukit Mertajam, Musa Sheikh Fadzir.

penang komtar umno protest 140308 fru2Mereka membantah kenyataan Guan Eng pada Selasa yang mahu menghapuskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah membiakkan amalan rasuah dan kronisme.

Kira-kira 3,000 orang ramai pula melihat perhimpunan tersebut dari sekeliling Komtar, yang memuatkan pejabat kerajaan negeri dan pusat membeli-belah, sehingga menyebabkan beberapa kedai ditutup buat sementara waktu.

Lapan trak Unit Simpanan Persekutuan (FRU) bersama kenderaan meriam air dikerahkan ke tempat kejadian.

penang komtar umno protest 140308 blockadeBeberapa kain pemidang dan poster dirampas oleh polis, tetapi tiada tangkapan dibuat.

Kumpulan itu bersurai sejurus selepas polis memberikan arahan bersurai.